

04 MAY 1998

Mahathir-Harris

HARRIS SALLEH DIPECAT DARI UMNO

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini memecat bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh daripada parti itu kerana tindakannya menyertai Parti Bersekutu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan MT itu dibuat kerana Perlembagaan Umno tidak membenarkan mana-mana anggotanya menyertai parti lain.

"Kita tak benarkan anggota-anggota Umno jadi anggota parti lain. Dia (Harris) sekarang menjadi anggota parti lain, dengan itu dia dipecat," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Harris dilantik sebagai pemangku presiden Parti Bersekutu pada 29 Mac lepas walaupun beliau sebenarnya masih merupakan anggota Umno cawangan Ramsay, bahagian Labuan, Wilayah Persekutuan sejak 29 Mac 1991. No keanggotaannya dalam Umno ialah 01478797.

Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau akan ke Sabah tidak lama lagi bagi memutuskan Ketua Menteri baru bagi negeri itu.

"Saya akan ke Sabah pada 7 Mei untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) Sabah bagi membuat keputusan tentang siapa yang akan menggantikan Ketua Menteri apabila tamat tempoh bagi Datuk Yong Tek Lee," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata mesyuarat parti malam ini, yang membincangkan mengenai kebebasan beragama di negara ini, turut menegaskan bahawa sebarang kegiatan untuk menukarkan agama orang Islam adalah tidak dibenarkan di negara ini.

"Kita akan tentukan bahawa semua agama di Malaysia bebas tetapi agama Islam tidak boleh disentuh dan tidak boleh ada percubaan untuk menukarkan agama orang Islam.

"Tetapi kadangkala ini berlaku kerana cinta atau lain-lain, itu soal lainlah. Tapi kita tidak benar sebarang kegiatan untuk menukar agama orang Islam," tegas beliau.

Dr Mahathir berkata bagi agama bukan Islam pula, kerajaan akan memberi tempat kepada mereka termasuk kawasan-kawasan rumah ibadat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata jika rumah ibadat itu dibina di kawasan yang tidak mendapat kelulusan rasmi, kerajaan perlu mendapat kerjasama daripada penganut agama itu untuk memindahkannya dan akan memberi kawasan ganti jika ada asas untuk berbuat demikian.

Soal kebebasan beragama itu dibincangkan berikutan peristiwa di Pulau Pinang baru-baru ini yang berkaitan dengan keputusan untuk memindah kuil-kuil yang dibina tanpa kebenaran.

"Tapi pemindahan itu perlu dibuat secara teratur supaya tidak menyinggung perasaan penganut-penganut agama yang terlibat.

"Kita khuatir mungkin ada pihak yang ambil tindakan secara tidak tersusun untuk memindahkan kuil ini. Kita juga bersetuju untuk memindahkan rumah-rumah ibadat hanya apabila perlu," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada mesyuarat malam ini membincangkan mengenai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikesan memberi maklumat kononnya Malaysia bertindak meracun beramai-ramai pendatang tanpa izin Indonesia, Dr Mahathir berkata perkara itu ditimbulkan tetapi kerana tidak ada bukti yang boleh ditegakkan di mahkamah, ia (nama NGO itu) tidak boleh diumumkan.

Mengenai sama ada tindakan akan diambil terhadap sesiapa berhubung dakwaan ada kemungkinan polis memberikan gambar yang dikatakan tindakan

meracun beramai-ramai itu kepada media asing, Perdana Menteri berkata kenyataan awal beliau sebelum ini dibuat kerana beliau menyangka gambar itu ialah kejadian pendatang tanpa izin diberi racun.

"Tapi gambar itu sebenarnya gambar lama berkenaan insiden di Semenyih dan bukannya insiden kononnya melibatkan pendatang asing diberi racun," kata beliau.

Mesyuarat malam ini turut memilih Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Datuk Ibrahim Ali sebagai wakil MT ke perhimpunan agung Pergerakan Pemuda Umno manakala wakil-wakil ke perhimpunan agung Wanita Umno ialah Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh.

-- BERNAMA

AFY NAK